



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/11/82 (HQ)

### PROJEK JIMAH EAST POWER KINI SIAP 70 %

Projek Pembinaan janakuasa elektrik Jimah East Power di Jimah, Port Dickson, kini telah pun mencapai status 70 % siap.

Ia merupakan stesen janakuasa elektrik berasaskan arang batu ketiga milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang menggunakan teknologi Ultra Super Critical. Stesen janakuasa tersebut serta stesen janaelektrik Manjung 4 dan Manjung 5 merupakan stesen janaelektrik arang batu yang paling efisien di rantau ini.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata pembinaan projek itu dijangka siap mengikut jadual dan dijangka mencapai tarikh operasi komersil (COD) seawal pertengahan 2019.

Berkapasiti 2x1000MW, stesen janakuasa elektrik Jimah East Power merupakan stesen janakuasa elektrik terbesar di Negeri Sembilan.

“Projek ini dijangka mencapai tarikh operasi komersil (COD) pada 15 Jun 2019 untuk unit 1 dan pada 15 Disember 2019 bagi Unit 2. Dengan terlaksananya projek infra rakyat ini nanti, ia akan menyumbang kepada kestabilan sistem grid nasional,” kata Leo Moggie ketika bersama Menteri Besar Negeri Sembilan ke lawatan tapak projek stesen janakuasa elektrik Jimah East Power, di sini, hari ini.

Menurutnya, apabila siap kelak stesen janakuasa berkenaan akan meningkatkan sumbangan kapasiti penjanaan TNB kepada kapasiti penjanaan negara daripada 51.8 peratus ke 53.2 peratus.

Projek yang dimiliki 70% TNB itu dibina dengan kos RM 12.1 bilion. Baki 30 peratus syarikat Special Purpose Vehicle (SPV) untuk projek tersebut, Jimah East Power Sdn Bhd, dimiliki Mitsui & Co Ltd dan Chugoku Electric Power.

Projek stesen janakuasa Jimah East Power itu menggunakan teknologi pembakaran arang batu yang efisien dengan kecekapan 40 peratus berbanding 36 peratus kecekapan dicatatkan oleh sistem arang batu berhablur (pulverised coal firing).

Ditambah pula dengan penggunaan teknologi berstatus tinggi seperti boiler, steam turbine dan generator daripada Syarikat Multinasional Jepun dan Korea seperti, Ihi, Toshiba, Hyundai dan dengan kerjasama Mitsui dan Chugoku, ia menjadikan usaha sama projek tersebut bertaraf dunia.

Pembinaan projek Jimah East Power telah dapat mewujudkan pelbagai peluang bisnes kepada syarikat dan kontraktor tempatan dan bumiputera serta juga peluang pekerjaan untuk penduduk-penduduk tempatan.

**Dikeluarkan di Port Dickson, 13 November 2017 pada 5.00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) / Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau e-mail ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*